



## Kembara Sains dekatkan masyarakat luar bandar dengan sains, teknologi

September 23, 2023 @ 5:24pm

KALABAKAN: Pelaksanaan program Kembara Sains Borneo (KSB) mampu mendekatkan masyarakat luar bandar Sabah terutama generasi muda terhadap bidang sains, teknologi dan inovasi, kata Timbalan Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi Datuk Arthur Joseph Kurup.

Katanya, program itu direka khas bagi merapatkan jurang pembudayaan sains masyarakat luar bandar, pedalaman serta kawasan FELDA yang juga berkeperluan dari aspek sains, teknologi dan inovasi dalam meningkatkan hasil seperti pertanian, termasuk hal kecekapan proses perladangan.

"Saya tidak mahu anak-anak kita, anak watan Sabah ketinggalan daripada penglibatan aktif dalam peluang-peluang ekonomi dalam bidang pekerjaan dan perniagaan yang berteraskan sains, teknologi dan inovasi."

"Program KSB ini bertepatan memupuk minat pelajar dan komuniti kawasan luar bandar.

"Saya percaya dalam jangka masa panjang usaha ini (KSB) akan dapat membantu mengikis stigma terhadap bidang sains, teknologi, kejuruteraan, dan matematik (STEM) yang sering dikatakan mata pelajaran sukar difahami atau dikuasai," katanya ketika merasmikan KSB Siri 2 di Dewan Semai Bakti, FELDA Gugusan Umas, di sini hari ini.

Hadir sama Ahli Parliment Kalabakan merangkap Pembantu Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Sabah, Datuk Andi Muhammad Suryady Bandy.

Arthur percaya penduduk Sabah sentiasa berminat dalam bidang sains, teknologi serta inovasi dengan buktinya program KSB di Kalabakan mendapat sambutan menggalakkan dengan kehadiran lebih 4,000 pengunjung.

"Selain itu penduduk Sabah juga sentiasa memberi sambutan dan sokongan menggalakkan dalam setiap pelaksanaan program dianjurkan oleh Pusat Sains Negara.

"Misalnya Program Minggu Sains Negara yang diadakan di Universiti Malaysia Sabah baru-baru ini dengan lebih 20,000 pengunjung dan difahamkan rekod kehadiran tertinggi sepanjang program itu dilaksanakan di seluruh negara," katanya.

Sementara itu, Andi Muhammad Suryady berharap program KSB akan diteruskan bagi membolehkan masyarakat luar bandar mendapat akses secara terus berkaitan aspek sains, teknologi dan inovasi.

Katanya, program seperti itu memberi pendedahan serta pengetahuan kepada komuniti luar bandar mengenai bidang berkenaan sekali gus memupuk minat anak-anak menceburi bidang itu.

- BERNAMA